

ADAT  
ISTIADAT PERKAHWINAN DALAM MASYARAKAT YANG  
MENGAMALKAN ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN:  
TUMPUAN KAJIAN DI KAMPUNG BELANGKAN,  
KUALA SAWAH, RANTAU.

SITY ROHANE DEWA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI, SELANGOR.  
1977 - 78

ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN DALAM MASYARAKAT

YANG MENGETAHUI ADAT PERPATIH DI NEGERI

SEMELIAN: TUMPUAN KAJIAN DI KAMPUNG

BELANGKAN, KUALA SAWAH, RANTAU

OLEH : SITI RORANI DEMA

Latihan Ilmiah ini dipersentahkan kepada Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Ne-

bangsaan Malaysia, untuk memenuhi sebahagian daripada keper-

luan memperolehi Ijazah Sarjanamuda Sastera dengan Kepujian.

Sidang Akademik 1977/78

KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
Kandungan	i - iii
Penghargaan	iv

**BAB 1 : LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN**

1.1 Pengenalan	
a. Tujuan dan Bidang Kajian -----	1
b. Method Kajian -----	2
1.2 Latar Belakang Tempat Kajian -----	3 - 5
a. Pentadbiran -----	5 - 7
b. Ekonomi dan Sosial -----	7 - 9
c. Adat Istiadat -----	10 - 12
d. Ugama -----	12 - 15

**BAB 2 : PERKAHWINAN SEPINTAS LAJU**

2.1 Pengertian Perkahwinan -----	14 - 16
2.2 Bentuk Perkahwinan dalam masyarakat	
Adat Perpatih -----	16 - 19
2.3 Orang yang tidak boleh Kahwin -----	19 - 22
2.4 Corak Penjodohan -----	23 - 27

**BAB 3 : ADAT ISTIADAT PEMINANGAN**

3.1 Jenis-Jenis Perkahwinan	
a. Aturan Tak Lazim	

i. Menyerah -----	28 - 29
ii. Merumah -----	29 - 31
iii. Sesalahan -----	31 - 32
b. Aturan biasa	
3.2 Merisik atau Risik-Andai -----	32 - 40
3.3 Pinangan atau Hantam Panda -----	40 - 46
3.4 Pembatalan Peminangan -----	46 - 48

BAB 4 : UPACARA-UPACARA ATAU ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN

4.1 Hari Kayu Berakar -----	49 - 55
4.2 Istiadat Berandam -----	55 - 58
4.3 Istiadat Berinai	
a. Malam Berinai Kecil -----	58
b. Malam Berinai Besar -----	58 - 60
i. Istiadat Mengisi Adat ---	60 - 62
ii. Istiadat Akad Nikah ---	62 - 67
iii. Perarakkan -----	67 - 68
iv. Persandingan -----	68 - 70
4.4 Hari Lansung -----	70 - 74
a. Istiadat Perarakkan di Hari Lansung -----	74
b. Istiadat Persandingan di Hari Lansung -----	74 - 75
i. Istiadat Suap-Suap -----	75 - 76
ii. Istiadat Padam Lilin -----	76 - 77
iii. Istiadat Pangkasan -----	77 - 78

iv.	Istiadat Menyembah -----	78
v.	Istiadat Makan Damai -----	79 - 80
4.5	Mari Bertandang atau Menyalang -----	80 - 82
4.6	Istiadat Tempuh Jejak atau Menikam Jejak -----	82 - 84
4.7	Penutup -----	84 - 90
BIBLIOGRAFI	-----	91 - 92
LAMPIRAN i :	Peta Mukim Rantau -----	93
LAMPIRAN ii :	Surat Nikah/Kahwin -----	94
LAMPIRAN iii :	Surat Izin Perempuan kepada Walinya -	95
LAMPIRAN iv :	Surat Taklik -----	96
LAMPIRAN v :	Gambar-Gambar -----	97 - 106

PENGHARGAAN

Dalam usaha menyiapkan tesis ini, saya banyak terhutang budi kepada beberapa orang perseorangan yang telah bermurah hati turut menyumbangkan berbagai rupa pertolongan dalam masa saya melakukan kajian ini.

Ucapan terimakasih yang tak terhingga, saya tujukan kepada Encik Ismail Hamid yang sudi menjadi penyelia latihan ilmiah ini. Bimbingan dan teguran beliau kepada saya untuk menjayakan latihan ilmiah saya ini, sangat saya hargai.

Seterusnya saya mengucapkan ribuan terimakasih kepada Encik Abdullah Munchak kerana sudi memberi bahan-bahan kajian ini, dan menolong saya mendapatkan bahan-bahan kajian ini di tempat kajian. Juga kepada penduduk-penduduk di Kampung Belangkan (tempat kajian) yang telah membenarkan saya menghadiri majlis perkahwinan di sana. Layanan dan sumbangan mereka itu tidaklah dapat saya membalaikannya melainkan Tuhan sahaja yang akan membalaikannya.

Tidak ketinggalan juga saya berterimakasih kepada suami saya, Mohd. Sharif Abd. Latiff yang bersusah payah menemani saya bila membuat kajian ini dan yang telah banyak berkorban terutama dari segi material. Juga ibu bapa saya yang sentiasa memberi ga-lakan untuk terus menyempurnakan latihan ilmiah ini, terimakasih juga saya ucapkan.

Kompleksiswa A, Kampus Universiti

Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

March, 1978.

Sity Rohane Dewa

### BAB III

#### ADAT ISTIADAT PEMINANGAN

##### 3.1 Jenis-jenis perkahwinan.

###### (a) Aturan lain atau tak lazim.

Jenis nikah kahwin yang biasa dilalui oleh tiap-tiap orang yang akan berkahwin ialah merisik, meminang dan seterusnya istiadat perkahwinan. Di samping aturan biasa ini terdapat aturan yang lain dari biasa atau tak lazim tetapi adalah diakui dan dilembagakan atau institutionalized.<sup>1</sup> Jenis nikah kahwin yang tak lazim ialah menyerah atau menyerambi, merumah dan sesalahan atau salah-salahan.

###### i. Menyerah.

'Menyerah' berlaku apabila seorang lelaki naik ke rumah perempuan yang dihajatinya itu dan duduk di pangkal serambi. Dia seolah-olah menyerah diri kepada keluarga perempuan supaya menyampai-kan hajatnya. Hajatnya itu ialah memiliki si gadis itu, mungkin si gadis itu telah dicadangkan oleh ibu bapanya untuk dijodohkan dengan orang lain. Justru keadaan 'menyerah' itu hanya duduk sahaja di pangkal serambi maka perbuatan itu dikenali juga dengan nama 'menyerambi'. Orang yang menyerah itu mestilah berani berdegil, kadang kala berha-ri-hari iaitu dua atau tiga hari sehingga perkara itu dibicarakan oleh kedua-dua pihak.

<sup>1</sup> Zainal Kling, Sistem Kekeluargaan Di Melaka Utara (Kuala Lumpur: Tesis UM, 1969), hal. 209.

Di pihak perempuan termasuklah ibu bapa, kedim dan buapak. Begitu juga di pihak lelaki. Pihak perempuan boleh menerima atau menolok kemahuan lelaki itu. Jika pihak perempuan menerima maka ditentukan bayaran kesalahan yang patut dibayar oleh pihak lelaki mengikut adat menyerah. Pihak perempuan atau si perempuan boleh meminta berapa sajaja. Ini bermakna menyerah itu mahal harganya. Bak kata perbilangan adat "orang menyerah tanda kaya"<sup>2</sup> atau "orang menyerah banyak wang." Tetapi bagi masyarakat di kampung Belangkan (di tempat kajian penulis) bayaran kesalahan itu tidak ditetapkan oleh adat hanya dipulangkan kepada pihak perempuan. Pihak perempuan pula menetapkannya berdasarkan kemampuan pada pihak lelaki, iaitu kaya atau miskin lelaki yang menyerah itu. Jika kaya tinggilah bayaran kesalahan yang dikenakan oleh pihak perempuan dan sebaliknya. Kadang-kadang cukup hanya bayaran maskahwin sahaja, tidak perlu bayaran kesalahan yang lain. Walaupun ini melanggar adat tetapi ada perbilangan adat mengatakan: "alah adat kerana muafakat". Juga dalam muafakat ini ditentukan masa bila perkahwinan itu akan dijalankan.

ii. Merumah.

'Merumah' ialah jalan keluar yang paling mudah bagi lelaki yang menyukai seorang perempuan tetapi cita-citanya dihalang oleh pihak ibu bapa si perempuan. Umpamanya ibu bapa si perempuan menolak pinangan si lelaki ataupun si perempuan yang dihajati telah dipingang orang lain. Jadi si lelaki naik ke rumah dan masuk ke bilik perempuan

<sup>2</sup> Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih (Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad, 1976), hal. 128.

an yang dihajati itu dan memegangnya. Malah kadang-kadang si lelaki menguncinya bersama-sama di dalam bilik sehingga penyelesaian dilakukan dan dia diterima untuk dinikahkan,

Jelas bahawa sebanyak sedikit terdapat paksaan dan kekerasan bagi mendapatkan orang yang dihajatinya itu. Oleh sebab itu sering kali si lelaki membawa senjata untuk dapat masuk ke dalam rumah si perempuan, dan senjata itu digunakan juga untuk mempertahankan diri dari serangan pihak perempuan seperti abang atau adik lelaki si perempuan. Justru itulah dikatakan bahawa, "orang merumah, hati berani, senjata tajam, mulut besar, emas banyak,"<sup>3</sup> Di sinilah terletaknya perbezaan di antara menyerah dengan merumah. Dalam menyerah tidak ada kekerasan dan paksaan. Penyelesaiannya seperti menyerah juga iaitu di antara kedim dan buapak masing-masing pihak berunding-lah bagi menyelesaikan perkara itu. Yang mana kedua-dua pihak dikenakan bayaran kesalahan. Pihak perempuan dikenakan bayaren kerana dikatakan jika perempuan tidak membuka pintu maka si lelaki tidak akan masuk. Selain dari itu dibincangkan juga care istiadat dan hari yang patut dijalankan perkahwinan, samada pada malam itu juga atau bertangguh dulu pada masa dan hari yang lebih sesuai kepada kedua pihak.

Pada setengah-tengah tempat pula, si lelaki itu membawa lari perempuan itu keluar Negeri Sembilan. Jika tidak lari keluar negeri banyak kesulitan dan masalah yang akan timbul, saudara-mara kepada perempuan itu akan tetap mahu saudara perempuannya diberikan kembali dengan mengemukakan berbagai-bagai tuntutan. Jika si lelaki

<sup>3</sup> Zainal Kling, op. cit., hal. 210.

berjaya dalam usahanya tak mahu memulangkan si perempuan kepada keluarganya, barulah dia boleh berkahwin dengan gadis itu. Ibu si perempuan mesti mengadakan upacara perkahwinan pada hari itu juga, tetapi jika si lelaki itu kalah maka terpaksa dia membayar adat<sup>4</sup> iaitu sebagai bayaran kesalahan.

iii. Sesalahan atau salah-salahan.

Sesalahan ini ialah suatu perbuatan sumbang yang dilakukan oleh pasangan lelaki dan perempuan yang bukan suami isteri, seperti berdua-duan di dalam rumah atau di tempat yang sunyi pada waktu malam. Mereka ditangkap oleh orang-orang kampung dan perlu dinikahkan pada hari itu juga menurut cara biasa tetapi hanya adat istiadat besar. Perkahwinan seperti ini selalu berlaku di antara seorang lelaki dengan seorang janda. Walaupun "proses ini formalized tetapi dianggap kurang baik dari segi moral dan pandangan masyarakat.

Jadi jelas pada dasar moral dan ideal masyarakat, corak-corak yang di luar dari biasa itu tidak digalakkan dan seboleh-bolehnya dituruti cara yang biasa iaitu dengan meminang perempuan yang dihajati dan menempuh semua tingkat-tingkat istiadat perkahwinan. Namun begitu dilihat dari segi prinsip organisasi masyarakat, cara yang lain dari biasa itu adalah merupakan pilihan terhadap apa yang dapat diberikan oleh struktur.<sup>5</sup> Malah cara ini mudah untuk mendapatkan pasangan hidup atau isteri tanpa perlu melalui upacara-upacara perkahwinan yang besar dan mahal. Walaupun diketahui cara ini ku-

<sup>4</sup> Nordin Selat, op. cit., hal. 128.

<sup>5</sup> Zainal Kling, op. cit., hal. 211.

rang baik dari segi pandangan masyarakat.

(b) Aturan biasa.

Cara atau aturan biasa bagi perkahwinan ialah melalui beberapa peringkat tertentu dengan upacara yang tertentu pula. Bermula dari istiadat 'risik-andai' atau 'merisik', meminang atau menghantar tanda, kayu berekar atau berkampung, hari lansung, bertandang atau menyalang dan menikam jejak atau tempuh jejak.

3.2 Merisik atau risik-andai.

Menurut Zainal Kling ada beberapa punca yang menyebabkan seseorang lelaki itu berhajat kepada seorang perempuan. "Pertama, dia sedang mencari isteri lalu terpandang seorang perempuan yang dihajati; kedua, sebab galakan atau dorongan atau cadangan yang dibuat oleh saudara-mara supaya meminang seorang perempuan; ketiga, menurut pilihan atau aturan ibu bapa seperti mempertumangkan anak itu dari kecil. Namun begitu sekarang perjodohan oleh ibu bapa ini sudah kurang tetapi lebih banyak pilihan sendiri."<sup>6</sup> Walau bagaimanapun masih terdapat lagi anak lelaki yang berkahwin kerana ingin memuaskan hati ibu bapa yang telah berhajatkannya berkahwin dengan si gadis yang dipersejuki mereka. Si anak hanya menurut sahaja dan kadang kala tanpa perlu mengeluarkan belanja sendiri.

Bagi memperolehi orang yang dihajatinya itu atau memenuhi hajat ibu bapanya mesti melalui adat istiadat tertentu yang telah ditetapkan oleh adat. Pertama, mesti melalui istiadat risik-andai

---

<sup>6</sup> Ibid., hal. 213.

atau risik-duai. Perlunya risikan sebelum meminang supaya pinangan pihak lelaki tidak akan ditolak ketika meminang nanti. Tanpa risikan kemungkinan pinangan si lelaki akan ditolak. Jadi pihak lelaki akan menerima tamparan yang hebat. Di samping pinangan ditolak atau hajat si lelaki yang tidak tercapai, rombongan peminangan itu akan mendapat malu yang tidak terhingga. Mungkin ditambah dengan kata-kata keji seperti kata perpatah Melayu 'Hidung tak mancung pipi tersorong-sorong.'

Oleh sebab itu, pihak lelaki menghantar wakilnya untuk meninjau pendapat pihak perempuan yang akan dipinang atau dalam adat dikatakan 'menyuluh keadaan pihak perempuan'. Orang yang menjadi wakil itu ialah orang yang dipercayai oleh ibu bapa atau keluarga pihak lelaki. Si wakil itu tidak semestinya mempunyai hubungan dengan pihak lelaki tetapi lazimnya wakil itu dipilih dari kalangan kerabat-kerabat dekat seperti emak saudara pihak lelaki terutama sekali isteri bapa saudara kedim. Si wakil itu akan membawa pesan dan menyata serta mengnyakan pendapat ibu bapa perempuan tentang hajat si lelaki. Menurut responden <sup>7</sup>(orang yang ditemuduga) risikan itu dilakukan cara tak resmi, bergantung atau terserah kepada peluang yang boleh di dapati oleh orang yang pihak lelaki amanahkan itu. Misalnya semasa si wakil membasuh di perigi, dia bertemu dengan ibu si gadis yang dihajati oleh si lelaki yang mengutusnya menjadi wakil. Tambahan pula masa itu hanya mereka sahaja di situ. Maka si wakil pun menyatakan hajat si lelaki itu dan menanyakan pendapat ibu si

---

<sup>7</sup>Kebanyakannya bahan kajian penulis adalah hasil dari temuduga penulis dengan seorang ketua adat (buapak) di tempat kajian penulis. Beliau ialah Abdullah Muncak.

perempuan atau gadis itu. Si gadis yang kena risik itu tidak mengetahui langsung kerana pada pandangan adat, perempuan adalah sebagai 'harta' dan kepadanya terserah segala keistimewaan yang tertentu. Inilah sebabnya pada masa dulu anak-anak gadis dikawal rapi bila meningkat ke umur dewasa (sembilan tahun atau lebih). Mereka harus tetap di rumah, diberi didikan. Bak kata perbilangan adat:-

Perempuan menanti untung  
Lelaki mencari untung.

Mereka tidak harus merisaukan nasib dari depan mereka, rumah telah disediakan (untuk sementara jika ada saudara perempuan yang lain). Begitu juga tanah kampung, sawah atau dusun tempat tinggal untuk diusahakan.<sup>6</sup> Oleh sebab itu si gadis tidak perlu mengambil tahu ada atau tidak orang lelaki datang merisik dan meminangnya.

Sekarang, biasanya risikan dijalankan di rumah pihak perempuan dan si gadis dapat mengetahui yang dia telah dirisik oleh teruna. Hal ini disebabkan perubahan sikap masyarakat di mana ibu bapa sekarang lebih mengutamakan kebahagian anak gadisnya. Justru itu si gadis diberitahu mengenai hal itu. Juga kemudahan bekalan air menyebabkan peranan perigi sebagai tempat perhubungan telah kutang.

Dalam memutuskan untuk menerima atau menolak risikan itu, ibu bapa menghadapi dua persoalan. Pertama, anak perempuan perlu cepat dikahwinkan supaya dapat meringankan beban menanggungnya terutama jika sebuah keluarga itu mempunyai empat atau lima anak perempuan. Selalu dikatakan bahawa beban melepaskan anak perempuan itu

---

<sup>6</sup>Hj. Abas Hj. Ali, "Sebahagian Dari Dasar Adat", Kertaskerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April 1974, hal. 8.

adalah beban yang berat. Apabila anak perempuan telah meningkat umurnya maka peluang untuk dapat dipinang semakin kurang. Jadi seboleh-bolehnya anak perempuan perlu dikahwin kan sebelum masuk umur dua puluhan. Anak yang dipinang ketika masih muda selalu mendatangkan rasa bangga kepada ibu bapa kerana itu menandakan anak itu 'laku'. Di samping itu anak-anak dara ingin dikahwin kan cepat kerana bagi mereka 'kerbau sekandang senang dijaga tetapi manusia seorang susah menjaga', tambahan pula kebimbangan meninggalkan anak dara di rumah jika ibu bapa pergi berjalan-jalan. Jadi sebab ingin mengelakkan anak perempuan menjadi 'anak dara tua' di mana masa dahulu gadis yang telah berumur lima belas tahun sudah dikatakan anak dara tua. Dan ingin melepaskan tanggungan terhadap anak maka perkahwinan selalu disersetujui.

Kedua, menentukan kedudukan seorang bakal menantu bagi menjamin kebahagian dan kesenangan anak perempuannya nanti adalah soal yang rumit. Mereka perlu mempertimbangkan tentang buruk atau baiknya perangai lelaki itu (peribadi); kaya atau miskin hidupnya (ekonomi); cacat atau baik anggotanya (anggota fizikal) dan tinggi atau rendah tarafnya (keturunan) dibandingkan dengan kedudukan pihak perempuan. Selalunya pemilihan adalah kepada yang sama taraf. Orang yang rendah taraf atau merasakan rendah taraf akan teragak-agak menerima orang yang taraf tinggi. Sebaliknya orang yang dianggap bertaraf tinggi tidak atau jarang menerima orang yang bertaraf rendah.<sup>9</sup> Tetapi masa dulu, kaya atau miskin, cantik atau buruk bakal menantu

---

<sup>9</sup>Zainal Kling, op. cit., hal. 214 - 215.

itu tidak sangat diperhitungkan yang lebih dipentingkan ialah budi pekertinya atau budi bahasanya. Justru itu kita dapati menantu-menantu mereka terdiri dari berbagai-bagai bangsa seperti orang Jawa, orang Minangkabau dan sebagainya.

Dalam membuat keputusan di peringkat awal ini memadai hanya ibu bapa sahaja. Setelah persetujuan tercapai samada menerima atau menolok maka pihak perempuan memberitahu wakil yang merisik tadi (orang perantaraan). Jika pihak perempuan bersetuju atau menerima maka pihak lelaki menghantar wakilnya iaitu orang yang meninjau atau merisik tadi untuk membawa 'cincin tanya' kepada pihak perempuan. 'Cincin tanya' itu ialah cincin emas. Harganya bergantung kepada kemampuan si lelaki tetapi tidak boleh kurang dari lima puluh ringgit (M\$ 50.00). Cincin itu diikat dengan benang yang berwarna merah kerana bagi pandangan adat, merah itu menandakan gembira. Cincin itu diletakkan di dalam bekas yang sempurna berserta dengan bunga rampai. Sekarang cincin itu diletakkan di dalam kotak cincin. Kotak itu pula diletakkan di dalam bekas yang telah ditaburi bunga rampai.

Ketika pihak lelaki menyerahkan 'cincin tanya' itu disertai dengan kata-kata perbilangan adat:-

"Beginilah kak,  
Kami ini ibaratnya,  
Kok umur belum setahun jagung,  
Kok darah belum setampuk pinang,  
Kok akar belum selilit telunjuk,  
Maka kedatangan kami,  
Kok hari nan sehari,  
Kok malam nan semalam ini,  
Ibarat singkap daun ambil buah,  
Kopek kulit ambil isinya,  
Bak kata orang,

Bila mengadakan anak,  
Kok jantan diserahkan mengaji,  
Kok betina diserahkan menjahit,  
Sombong pada emaknya,  
Megah pada ayahnya,  
Dalam yang demikian itu lama kelamaan,  
Mengaji pun sudah tamat,  
Menyulam menjahit pun sudah pandai,  
Maka siserukan pula untungnya,  
Adapun untung anak jantan itu dicari-carikan,  
Untung si betina itu dinanti-nantikan,  
Kemudian dari itu pertemuan nak ada,  
Maka ada pula risik yang berdesus,  
Duai nan merangkak dekat rumah dekat kampung,  
Gemit nan berkecapi,  
Kilat nan memancar,  
Maka dipenanda teruna cincin sebentuk,  
Itu pengnya emak dan bapak,  
Cincin dua bentuk tanda seia sekata."

Di sambung lagi oleh pihak lelaki tadi bertanya:-

"Jadi inilah,  
Kok selingkung Pulau Perca,  
Selilit Tanah Melayu,  
Sebingkah tanah nan terbalik,  
Sehelai daun mengterantih,  
Serantau hulu,  
Serantau hilir,  
Tergandangleh sawah nan berlopak,  
Kampung nan bersudut,  
Pinang nan berjejer,  
Maka berugalah seekor burung permainan,  
Kok begitu dilapehkan risik desusnya,  
Inilah diserahkan cincin sebentuk,  
Cincin tanya."<sup>10</sup>

Maka cincin tanya itu pun diterimah oleh pihak perempuan dengan penuh hormat dan beradat. Kemudian 'cincin tanya' itu ditunjukkan kepada sanak saudara (kerabat yang dekat) dan buapak. Ini bermakna 'cincin tanya' adalah berfungsi sebagai tanda yang menunjukkan anaknya sudah ditanya orang dan tanda untuk memberitahu sanak

<sup>10</sup> Shamsiah Abd. Rahim, Bahasa Perbilangan Dalam Istiadat Perkahwinan Dalam Adat Perpatih Di Negeri Sembilan, Satu Contoh, Tesis UKM, 1974/75, hal. 31 - 32.

saudara dan buapak. Beritahu buapak mengenai perkara ini adalah penting, jika ditinggalkan buapak pihak si perempuan dikenakan denda yang dikenali dengan nama 'timbang salah' kerana dalam sesuatu majlis perkahwinan itu buapaklah yang akan mengetuai dan mengendalikannya. Tanpa buapak majlis itu tidak dapat dijalankan cara adat.

Dalam membuat keputusan itu terdapat permuafakatan antara kerabat-kerabat yang dekat bagi pihak perempuan seperti bapa saudara kedim dan adik beradik perempuan. Muafakat ini tidak perlu dikumpulkan sanak saudara itu, hanya cukup dengan meminta persetujuan mereka semasa menunjukkan 'cincin tanya' tadi. Jika ramai daripada mereka yang setuju terutama kedim, maka diterimalah risikan itu. Keputusan ini mengambil masa secepat-cepatnya tiga hari dan selambat-lambatnya dua minggu, dalam adat dipanggil 'dua kali tujuh hari' tetapi jika tidak setuju 'cincin tanya' ini hendaklah dikembalikan dalam tempuh tiga hari. Kemudian pihak perempuan memulangkan kata atau janji kepada pihak lelaki. Memulangkan janji maksudnya memberitahu samada bersetuju atau tidak. Sebagaimana kata adat:-

"Nampaknya beginilah,  
Sakit bermula mati bersebab,  
Hujan berpokok kata berasal,  
Manz asa kata,  
Awal berpemulaan,  
Akhir berkessudahan,  
Kedatangan datuk dulu membawa,  
Cincin cintaan kepada saya,  
Mengikat persemedaan,  
Oleh saya menerima,  
Akan tetapi janjinya teguh,  
Padangnya lebar,  
Nan jauh telah saya jemputkan,  
Nan dekat telah saya kampungkan,  
Segala tempat semenda saya,  
Menerima cincin mintaan ini."<sup>11</sup>

<sup>11</sup> Ibid, hal. 53.

Apabila kedua belah pihak telah bersetuju untuk semenda-menyemenda<sup>12</sup> maka pihak lelaki pun menghantar 'sinsin tanda'. Sebelum istiadat peminangan atau pertunangan yang mana dikatakan dalam adat ialah istiadat 'melapis cincin' iaitu pihak lelaki meletakkan sebentuk cincin lagi pada cincin yang ada (cincin tanya) atau dipanggil juga 'mengembang cincin'. Maka kedua-dua ibu bapa pihak lelaki dan perempuan menyatakan perkara itu kepada buapak suku masing-masing dan sanak saudara yang dekat dan jauh. Bagi pihak perempuan menjemput mereka datang ke rumah pada hari menerima tanda itu. Manakala di pihak lelaki pula setengah dari orang-orang yang dijemput itulah yang akan membawa barang-barang yang diperlukan dalam peminangan atau barang-barang pemingangan, terutama buapak yang akan menyerahkan barang-barang itu kepada buapak sebelah perempuan nanti.

"Kadang-kadang pada masa inilah apabila suatu perkahwinan akan dilakukan di mana sanak saudara perlu bersama-sama, dibaikkan semua sanak saudara yang berselisih faham atau berjauhan hati. Atau seperti kata perbilangan adat, 'yang kusut menyelesaikan'. Pada masa inilah kedim bercuasa untuk menghukum anak buahnya yang dulu bersalah kepadanya seperti tidak menjemputnya pada masa keramaian yang terdahulu dan sebagainya. Ataupun kemulah (kedim) mengumpulkan anak buah di dalam perut atau sukunya untuk menyelesaikan percaduhan, perselisihan faham antara mereka. Jikalau yang bersalah itu pihak yang muda maka dia diperlukan menyembah kepada pihak yang tua yang

<sup>12</sup> Semenda-menyemenda atau persemedaan ialah perhubungan antara kelompok eksogami melalui perkahwinan antara seorang anggota lelaki satu kelompok itu dengan seorang anggota perempuan kelompok (suku) lain. Sila lihat, Zainal Kling, op. cit., hal. 184.

dipersalahkannya. Ataupun jika perlu membayar denda seperti menyembelih ayam atau kenduri seperti yang dimahukan oleh kemulah maka terpaksalah kerabat yang bersalah melakukannya. Biasanya orang yang dihukum pada masa ini ialah kerabat yang akan melakukan istiadat perkahwinan. Apabila telah berkumpul kerabat dekat dan berbaik sangka antara satu dengan lain maka lebih mudah menjalankan istiadat. Namun begitu ada juga kerabat-kerabat yang tidak mahu berbaik dan meninggalkan istiadat kerabatnya itu." <sup>13</sup>

### 5.3 Pinangan atau Hantar Tanda.

Pada hari yang ditetapkan, biasanya sebulan selepas menghantar 'cincin tanya' ataupun mengikut masa yang sesuai bagi kedua-dua belah pihak diadakan istiadat pemingangan. Di hari menghantar pinangan itu diadakan sedikit kenduri di kedua-dua belah pihak, biasanya di sebelah petang. Di rumah pihak perempuan, sedikit kenduri diadakan untuk menanti rombongan dari pihak lelaki tadi. Maka pihak lelaki akan di wakil oleh buapak dan kediminya membawa tanda iaitu 'cincin tanda', tepak sirih dan barang-barang iringan ke rumah pihak perempuan.

Biasanya 'cincin tanda' diletakkan di dalam sebuah dulang kecil yang dialeskan dengan kain dan ditaburkan bunga rampai disekelinginya. Sekarang 'cincin tanda' diletakkan di dalam bermacam-macam bentuk bekas seperti diletakkan di dalam mangkuk kaca yang berwarna-warni dan disertakan bunga rampai.

---

<sup>13</sup> Ibid, hal. 216.

Sirih pula disusun di dalam tepak sirih, hendaklah mengikut adatnya. Tepak sirih inilah merupakan 'kepala adat'. Kesalahan dalam menyusun dan melengkapkan isi tepak ini akan di denda dinamakan 'bertimbang salah'. Kemudian tepak sirih ini dibungkus dengan kain songkit atau kain yang dibuat khas untuk membungkusnya. Barang-barang iringan yang kurang penting cuma untuk mencantikkan lagi istiadat itu, seperti kuih-muih, buah-buahan seperti limau, apel, pisang dan sebagainya. Ini adalah pengaruh dari bandar yang meresap di dalam adat istiadat perkahwinan masyarakat Adat Perpatih sebab alat komunikasi luar bandar ke bandar bertambah baik samada melalui meda atau jalan raya dan jalan keretapi yang membenarkan orang-orang bandar dan luar bandar berulang-alik ke bandar atau ke luar bandar.

Kadang kala hantar tanda ini disertakan sekali dengan menghantar separuh atau setengah wang belanja<sup>14</sup> yang digubah dalam berbagai bentuk seperti bentuk sejambangan bunga, masjid dan lain-lain. Tetapi penyertaan separuh wang belanja dalam istiadat peminangan jarang diamalkan sebab berat beban yang dipikul oleh pihak perempuan jika dia melanggar syarat-syarat perjanjian yang telah ditetapkan di dalam istiadat peminangan ini nanti. Bek kata perbilangan adat:-

"Helah lelaki loncor,  
Helah perempuan ganda."<sup>15</sup>

<sup>14</sup> 'Wang Belanja' ini dikenali di tempat kajian penulis (kampung Belangkan) sebagai 'Belanja Hangus' & di setengah-tengah tempat seperti di Gadik dikenali sebagai 'Belanja Adat'. 'Belanja Hangus' ialah sejumlah wang yang mesti dibayar oleh pihak lelaki mengikut kemampuannya sebelum seorang lelaki itu mendapat seorang perempuan menjadi isterinya. 'Belanja Hangus' ini digunakan untuk perbelanjaan di hari perkahwinan nanti. 'Belanja Hangus' telah ditetapkan sebelum istiadat peminangan dijalankan. Masanya di antara selepas menghantaw 'cincin tanya' dan sebelum peminangan. Kedua-dua belah pihak bermuafakat bagi menentukan jumlah 'Belanja itu.'

<sup>15</sup> Ibid, hal. 217.

Apabila rombongan pihak lelaki telah sampai di rumah si perempuan. Maka di setengah-tengah tempat dalam Negeri Sembilan ada tegur sapa atau berbalas-balas pantun di antara kedua belah pihak.

Ditegur oleh pihak si perempuan:-

"Katung-katung berisi manik  
manik berisi hampa padi  
Semua yang datang silalah naik  
inilah airnya pembasuh kaki.

Lalu dijawab oleh pihak lelaki:-

Dari jauh ke pematang  
tetak tangan papan kemudi  
dari jauh kami datang  
mendengar tuan yang baik budi.

Balas pihak perempuan pula:-

Tatang puan tatang cerana  
talang biduk Sari Rama  
datang tuan datanglah nyawa  
jemputlah duduk bersama-sama.

Jawab pihak lelaki sambil duduk:-

Cerati pinang cerati  
cerana di atas papan  
sirih kami sirih bererti  
sukat makan barulah makan.

Balas pihak perempuan lagi:-

Saya tidak tahu berezana  
selisih telunjuk bertolakan  
saya tak tahu akan maknanya  
sirih diunjuk saya makan.

Balas pihak lelaki pula:-

Rumah besar alangnya besar  
rumah datuk Perdana Menteri  
kalau tidak hajat yang besar  
kami tak sampai ke mari.

Sambung lagi pihak lelaki:-

Oorang mengambil siput di lubuk  
airnya dalam banyak lintah  
datang membaiki atap nan tembuk  
hendak mengganti lantai nan patah.

Balas pula pihak perempuan:-

Rimba bakar menanam padi  
makan berulam buahnya petai  
jikalau sudah tulus dan sudi  
berbantalkan bendul bertikarkan lantai." <sup>16</sup>

Dalam penyerahan 'cincin tanda', tepak sirih dan barang-barang iringan tadi terdapat kata-kata perbilangan adat. Sekarang kata-kata ini telah diubah suaikan dengan keadaan masa tetapi tujuan atau maksudnya tetap sama.

Ketika menyerahkan atau menghulurkan tepak sirih pihak lelaki sebagai tanda pengenalan. Berkata buapaknya:-

"Makan sirih berpinang tidak  
pinang dibeli dari pekan  
dibungkus dengan kain putih  
penat menyirih dibawa berjalan  
makan sirih kenyangnya tidak  
hanya tanda perkenalan  
pusaka tua Adat Perpatih  
mintalah datuk tolong sudikan.

Buapak perempuan menerima tepak sirih itu dan membukanya. Dialah yang memulakan makan sirih itu sambil mempelawa orang-orang lain di pihak perempuan itu. Kemudian pihak perempuan pula menjalankan upacara pengenalan. Buapak pihak perempuan sebagai wakil mempersilakan pihak lelaki makan sitihnya pula. Katanya:-

Makan sirih berpinang tidak  
pinang datang dari pekan  
sekarang sudikan pula  
tepak sirih orang Belangkan (nama kampung si perempuan).

---

<sup>16</sup>Shamsiah Abd. Rahim, op. cit., hal. 34, 35, 36.

Balas pihak lelaki pula:-

Kalau hendak digantang tiga gantang  
kalau hendak diikat tiga ikat  
masukkan ke dalam raga bawakan ke rumah cik Minah  
permaka Adat dibentang dipanjang  
elok digolong ia singkat  
bak kata orang-orang tua-tua  
sibak daun ambil buah 17  
(sembah pada datuk)"

Sambung lagi pihak lelaki untuk menyatakan tujuan kedatangan  
annya:-

"Bukan lebah sebarang lebah  
lebah bersarang di daun buluh  
buluh rimbun hidup di rimba  
bukan sembah sebarang sembah  
sembah dengan jari sepuluh  
sembah adat dengan pusaka  
(sembah pada datuk)

Dari Johor pergi ke Serum  
singgah sebentar di pekan Jabi  
Jabi itu dekat Segamat  
Segamat banyak pokok pinang  
bagai datuk telah maklum  
anak-anak buah (kita) telah berjanji  
janji itu telah diikat  
menghantar cincin untuk meminang  
(sembah pada datuk)" 18

Ketika menghulur atau menyerahkan cincin pula, buapak pihak  
lelaki berkata:-

"Orang Cina berhari raya  
kedai ditutup tidak dapat membeli  
anak-anak di rumah bermasan muka  
nak makan tak berlauk atau berselera  
hari baik saat mulia  
kami atau saya datang menepati janji  
janji adat dengan pusaka  
menghantar cincin meminang anak buah datuk  
(sembah pada datuk)" 19

<sup>17</sup> Hasil dari temuduga dengan ketua adat di tempat kajian penulis.  
Beliau ialah Abdullah Munchak.

<sup>18</sup> Hasil dari temuduga dengan ketua adat - Abdullah Munchak.

<sup>19</sup> Hasil dari temuduga dengan ketua adat - Abdullah Munchak.

Ketika menyerah semua barang-barang pembawaan, berkata buapak pihak lelaki lagi:-

"Kuda putih datuk Panglima  
ditunggang orang bawa berjalan  
penat ditunggang berjalan kita  
kuda penat kita pun letih  
pinangan ini harap diterima  
berserta dengan barang-barang iringan  
salah dan silap maaf dipinta  
ucapan ribuan terima kasih.  
(sembah pada datuk)

Balas pihak perempuan pula:-

Kuda putih datuk Panglima  
ditunggang orang bawa berjalan  
hantaran ini saya terima  
kecil tapak tangan nyiru ditadahkan  
ucapan ribuan terima kasih." <sup>20</sup>

Selepas bersoal jawab, buapak pihak perempuan memeriksa semua barang-barang itu. Kadang-kedang dia menanyakan harga 'cincin tanda' itu. Tujuannya bila berlaku kesalahan di pihak perempuan semasa dalam janji mudah diperhitungkan dendanya kelak. Dia juga menasihatkan ibu bapa pihak si perempuan menyimpan dan menjaga kedua-dua cincin (cincin tanya dan cincin tanda) itu dengan cermat.

Pada masa sekarang wakil perempuan dari pihak lelaki menyarungkan 'cincin tanda' ke jari manis si gadis yang berada di dalam bilik dengan berpakaian cantik, tetapi ini tidak dilakukan di masa dahulu. Sementara itu kedua belah pihak pun berundinglah bila masa, hari dan bulan yang baik untuk melangsungkan perkahwinan nanti.

---

<sup>20</sup> Hasil dari temuduga dengan ketua adat di tempat kajian penulis. Beliau ialah Abdullah Munchak.

Biasanya dahulu hari dan tarikh yang ditetapkan bagi melangsungkan perkahwinan ialah selepas hari Raya Puasa atau hari Raya Haji ataupun selepas menuai padi kerana masa-masa ini mereka tidak sibuk seperti berkerja di bendang atau sawah padi. Sekarang pula masa atau tarikh yang biasa diadakan majlis perkahwinan ialah masa cuti sekolah iaitu bulan-bulan empat, lapan dan dua belas supaya saudara-mara yang mempunyai anak-anak yang bersekolah boleh bersama-sama di hari perkahwinan nanti. Sementara hari yang ditetapkan pula ialah hari Sabtu dan hari Ahad. Ini akan memberi peluang kepada keluarga yang berkerja dengan kerajaan untuk dapat bersama.

Dari penetapan tarikh dan hari itu dapat kita mengetahui tempoh di antara pertunangan hingga ke hari perkahwinan atau kata lain 'masa dalam janji', biasanya tidak kurang dari satu tahun. Sekarang kita tidak dapat menentukan jarak masa pertunangan itu kerana bergantung kepada persetujuan kedua belah pihak dan kemampuan pihak lelaki serta kemajuan dalam bidang pelajaran. Kadang-kadang tempoh pertunangan itu selama tiga atau empat tahun kerana kedua-dua bakal pengantin masih berlajar lagi. Ada pula terlalu cepat hanya beberapa bulan sahaja walaupun kedua-dua mereka masih berlajar.

Dahulu jika hendak cepat atau lambatkan tarikh perkahwinan dari yang telah dipersetujui dalam masa peminangan dulu diadakan istiadat 'sela-menyelea', kedua-dua pihak bermuafakat semula untuk menetapkan tarikh yang baru.

### 3.4 Pembatalan peminangan.

Apabila cincin pinangan telah diterima maka resmilah per-

tunangan antara si teruna dengan si dara tadi. Mengikut adat dalam masa pertunangan itu ada pula aturan atau undang-undang yang patut dituruti dan dihormati. Undang-undang yang disalurkan melalui kata-kata perbilangan dan mengandungi kiasan ibarat yang tajam dan dalam, seperti berikut:-

"Cincin sebentuk menanya ibu bapa  
Cincin dua bentuk oso sekata  
Oso sekata kata dibalikkan  
Tak oso sekata cincin dibalikkan  
Oso sekata janji diikat  
Janji dibuat dimuliakan  
Balam janji digaduhkan  
Sampai janji ditepati  
Elah si laki-laki loncor tanda  
Elah si perempuan ganda tanda  
Sawan gila luar janji." 21

Maksudnya di dalam masa pertunangan, jika pihak lelaki yang membuat helah seperti memutuskan pertunangan itu maka segala yang dibayar adalah terpulang kepada perempuan atau wang adat kahwin atau tanda pertunangan dan sebarang hantaran hilang, iaitu tidak dipulangkan balik kepada lelaki dan tidak boleh dituntut lagi. Sebaliknya jika pihak perempuan pula membuat helah maka tanda pertunangan hendaklah dipulangkan dengan berganda, sebentuk cincin menjadi dua bentuk cincin. Perjanjian ini diberi syarat seperti:-

"cacat sida  
sawan gila  
hidup mati  
di luar janji" 22  
....."

Maksudnya jika salah satu pihak itu terkena penyakit se-

<sup>21</sup> Nordin Selat, op. cit., hal. 127.

<sup>22</sup> Zeinal Kling, op. cit., hal. 217.

perti sawan atau gila atau penyakit lain seperti kusta, mati pucuk, untut dan cacat sebab kemalangan. Maka segala itu tidak masuk janji. Perkara ini juga telah diperkatakan oleh Abdul Kahar Bador:-

"There is no exchange of rings. The period of engagement and date of wedding is then fixed, during which time, should the man call off the engagement, he will forfeit the rings, and should the girl's side do so, they will indemnify the man's side by doubling the number of gold rings to be returned to the man. There are other precautions and conditional clauses cited, such as sudden madness, illness and accidents, which are not part of the agreement." 23

"Manakala jika mati salah seorang yang bertunang, separuh dari wang adat dikembalikan kepada pihak lelaki. Barang-barang pemberian dipulangkan semua sekali. Jika dalam masa pertunangan perempuan yang bertunang telah 'dirosekkan' oleh lelaki lain, ibu bapa si perempuan terpaksa membayar kepada si lelaki dua kali ganda adat kahwin dan sebarang pemberian yang telah diterima. Jika ibu bapa di dapati cuba menyurukkan perkara buruk ini, maka mereka terpaksa membayar tiga kali ganda adat dan pemberian. Jika si lelaki cuma tahu akan 'kerosekan' ini sesudah berkahwin, dia boleh memberitahu mentuanya dengan isyarat menterbalikkan tepak sirih. Dia akan dapat potongan dan cuma membayar adat kahwin sebagai janda sahaja, bakinya akan dipulangkan kepadanya." 24

<sup>23</sup> Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975), hal. 136.

<sup>24</sup> Nordin Selat, op. cit., hal. 127 - 128.

## BIBLIOGRAFI

### A. Bukus:

1. Abdullah Siddik. Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1975.
2. Djamour, Judith. Malay Kinship and Marriage in Singapore. New York: University of London, Humanities Press, Inc., 1966.
3. Nordin Selat. Sistem Sosial Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad, 1976.

### B. Rencana/kertaskerja:

1. Abas Haji Ali. "Sebahagian dari Dasar Adat", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
2. Abdullah Siddik. "Adat dan Modernisasi", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
3. Aliyah. "Rahsia Mak Andam menjadikan Pengantin Berseri di Pelamin" dalam Keluarga, Keluaran 21, Disember, 1977.
4. Hashim Abdul Ghani. "Kata-Kata Perbilangan dan Tafsirannya", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
5. Idris Haji Tain. "Beberapa Konsep Penting dalam Sistem Adat Perpatih Negeri Sembilan", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
6. Mansor Haji Jamaluddin. "Konsep Harta di dalam Sistem Adat Perpatih", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
7. Md. Sharif Fakieh Hassan. "Sejarah Kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan Kaitannya di Minangkabau", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.

8. Mohd. Dahlan Mansoor. "Minangkabau dan Negeri Sembilan, Tinjauan Kaitan Sejarah dan Kebudayaan", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
9. Mohd. Rais Yatim. "Undang-Undang Adat Perpatih, Common Law dan Equity - Satu Analisa Perbandingan", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.

C. Latihan Ilmiah:

1. Shamsiah Abdul Rahim. Bahasa Perbilangan dalam Istiadat Perkahwinan, dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan, Satu Contoh. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974/75.
2. Sia Wee Teng. Adat Istiadat Perkahwinan Orang-Orang Melayu Kelantan. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976/77.
3. Zainal Kling. Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara. Latihan Ilmiah Universiti Malaya, 1969.

LAMPIRAN (ii)

SURAT NIKAH/KAHWIN

No U 2263



بِاللَّهِ نَحْمَدُ وَنَسْأَلُ

نَكْرِي سَمِيلِين

او نَدْعُ ۝ مُنْتَدِي بِرَان حُكُومَ شَرَع تَاهُون ۱۹۶۰

(بِلاَغْنَ ۱۵ تَاهُون ۶۰)


صُورَتْ كَتْرَا غَان نِكَاح

[ فَرَاتُورَان (۲) ۵ ]

بِهِوَاسِن ..... بِكَدِيرِ الْكَرْمَن ..... بِنْ حَبِيبِي  
 (كَارَهْ فِتَنَالَنْ نِمْبَرْ ۵ ۳۵۰۹۸) (نَدَدْ دَعْقَدَكَنْ نِكَاحَنْ دَغَنْ  
 ..... طَلِيلِي كَلُوبِي ..... بَنْتْ لَكْبِنْ الدَّرِينْ .....  
 (كَارَهْ فِتَنَالَنْ نِمْبَرْ ۳۷ ۳۷ ۱۷۹ ۳۰۳) (دَعْقَدَكَنْ دَغَنْ  
 ..... قَدَ ..... هَارِبَولَنْ ..... ۹ ..... ۱۴ ..... ۱۹ ..... بِرَسَانْ دَغَنْ  
 ..... ۲۰ ..... هَارِبَولَنْ ..... بِسْكَهَارَنْ ..... ۱۳ ..... ۱۴ ..... دَغَنْ مَسْكَهَوْنَ  
 بَاقِ ..... ۱۵ ..... دَغَنْ رَغْكِيتْ عَوْتَعَ/تُونَيْ.

بِيَارَانْ دَكَنَكَنْ \$ 3.00

تَرْتُولِيسْ دَشَهَارَنْ دَهَارَنْ ..... دَهَارَنْ دَهَارَنْ  
 ۱۹. ۷-۴ ..... ۱۰ ..... قَدَ ..... هَارِبَولَنْ ..... ۱۰ .....  
 ۱۳. ۹-۴ ..... ۱۵ ..... بِرَسَانْ ..... هَارِبَولَنْ ..... ۱۰ .....



قَاضِي


دَائِرَهُ/وَلَاهِي .....

LAMPIRAN (iii)

SURAT IZIN PEREMPUAN KEPADA WALINYA


اذیسن دان وکاله

اداله سای... بجهیزیه... مرچ جباری... بنت...  
مخاذینکن کند... چپس... بن... سنه... پرسا...  
فشك... بایاف... کند سای قد منکاحکن دیری سای دهن  
بیحمد... بشایاربع... بن... بلبر الطیفع...  
دهن مسکھوین... /کج? چر... تونی/ صوتخ دان سای...  
بن... سستکلوهن بروکیل کند...  
بن... باکی معقدکن نکاح... سای نامن  
دهن... بنت... بنت... بنت... بنت...  
دهن...  
یشترسبوت داتس این. مک اذین دان وکاله یشترسبوت داتس این تله  
بر لاکو دهدافن دوا اورغ سقسى یشترسبوت نامن قد فصل 4 دسله این.

  
.....

.....  
تند ا تائن یشمادینکن.....

تند ا تائن سقسى ۲:.....

  
.....  
  
.....  
2

LAMPIRAN (iv)

### SURAT TAKLIK

١٥. لفظ تعليق دمكين:


..... Mr Shafiqullah

Bayaran Pendakian S.....  
Penit D.....  
X 22/25, Total 12 4. 79.

17153-20-2-1975-Rak 3/28-J.C.K., K.L.


# DIPUKAN BENDA.

LAMPIRAN (va)



1. Pelamin adalah tempat persandingan pengantin.

LAMPIRAN (vb)



2. Penyerahan tepak sirih oleh orang semenda kepada buapak pihak lelaki.

LAMPIRAN (vc)



3. Orang semenda dengan orang-orang pihak lelaki  
makan sirih di rumah persinggahan pihak lelaki.

LAMPIRAN (vd)



4. Barang-barang hantaran (tepak sirih, 'belanja hangus' dan barang-barang iringan) yang digubah dalam berbagai bentuk.

LAMPIRAN (ve)



5. Istiadat Akad Nikah: wali atau wakil wali bersalam dengan pengantin lelaki.

LAMPIRAN (vf)




6. Perarakkan di Malam Berinai Besar: kedua-dua pengantin yang berpakaian tradisional dijulang oleh empat orang anggota masyarakat Adat Perpatih.

LAMPIRAN (vg)



7. Perarakkan di Hari Lansung: kedua-dua pengantin disandingkan di halaman hadapan rumah, bagi tuntunan para jemputan.

LAMPIRAN (vh)



8. Pengantin perempuan yang diarak cara julang dengan diiringi rebana menuju ke rumah persinggahan pengantin lelaki.

LAMPIRAN (vi)



9. Istiadat Suap-Suap; Mak andam dan pengantin perempuan menyusap pulut ke mulut pengantin lelaki. Tetapi ditahan oleh pak andam dan pengantin lelaki. Perbuatan itu dilakukan sambil berjenaka.

LAMPIRAN (v.j.)



10. Istiadat Padam Lilin: Kedua-dua pengantin serentak menghembus api lilin itu hingga padam.